

# KPDNHEP benarkan syarikat arak beroperasi semasa PKP

Diterbitkan 5 Apr 2020, 8:38 pm  
Dikemaskini Hari ini 12:20 am



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
Secretary General  
Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs  
Ara 11 (Menara), No. 13  
Pentamasa Perdana, Presint 2  
Pusat Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan  
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603 892 9010/1023  
Faks: 603 892 9560  
Laman Web: www.kpdnhep.gov.my  
E-mel: kpdnhep@kpdnhep.gov.my

KPDNKK 100-1/2/1 JLD2 ( )

31 Mac 2020

Pengurus Besar  
Heineken Malaysia Berhad  
Sungei Way Brewery  
Lot 1135, Batu 9, Jalan Klang Lama  
46000 Pataing Jaya, Selangor

Tuan/Puan,

## PENGESAHAN PENGECUALIAN BAGI OPERASI SEKTOR PEMBEKALAN MAKANAN DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2 Merujuk kepada permohonan tuan/puan bertarikh 24 Mac 2020, setelah meneliti dan menyemak dokumen yang dikemukakan Kementerian mendapati permohonan tuan/puan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagai operasi sektor pembekalan makanan dibawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3 Sehubungan itu, Kementerian **mengesahkan dan bersetuju** bahawa aktiviti perniagaan tuan/puan boleh dibuka/beroperasi bagi memastikan pembekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa. Pengesahan ini juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.

(DATUK SERI) UJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD

Sepucuk surat dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang memberi pengecualian kepada syarikat arak, Heineken Malaysia Bhd untuk beroperasi tular di media sosial.

Dalam surat bertarikh 31 Mac yang dilihat *Malaysiakini*, kementerian berkenaan membenarkan syarikat pembekal bir itu beroperasi dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), susulan permohonan yang dibuat pada 24 Mac.

Ketika dihubungi sumber Heineken mengesahkan ketulenan surat itu.

"Berhubung permohonan tuan/puan pada 24 Mac 2020, setelah meneliti dan menyemak yang dikemukakan kementerian mendapati permohonan tuan/puan memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagai operasi sektor pembekalan makanan di bawah PKP.

"Sehubungan itu, kementerian mengesahkan dan bersetuju bahawa aktiviti perniagaan tuan/puan boleh dibuka bagi memastikan pembekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh PKP. Pengesahan ini juga tertakluk kepada syarat-syarat seperti lampiran A," katanya dalam kandungan surat tersebut.

Surat itu di tandatangani oleh Ketua Setiausaha KPDNHEP Hasnol Zam Zam Ahmad ditujukan kepada Pengurus Besar Heineken Malaysia Bhd.

PKP dikuatkuasakan bermula 18 Mac lalu bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19.

Pada mulanya ia berakhir pada 31 Mac tetapi Majlis Keselamatan Negara (MKN) memutuskan untuk melanjutkannya sehingga 14 April ini.

Sepanjang PKP, perniagaan dan perkhidmatan kategori tidak penting mesti ditutup sementara orang ramai hanya dibenarkan keluar rumah atas urusan penting, antaranya untuk membeli barang makanan.

*Malaysiakini* sedang berusaha menghubungi kementerian berkenaan bagi mendapatkan maklum balas.

### **Armada tuntutan penjelasan**

Sementara itu Pemuda Bersatu (Armada) menuntut penjelasan mengapa kilang arak berkenaan dibenarkan sedangkan hanya perkhidmatan perlu dan sektor kritikal sahaja sepatutnya beroperasi sepanjang tempoh PKP.

"Adakah kerajaan menyifatkan arak dan minuman keras yang jelas haram ini dalam kategori keperluan/kritikal?" soal exco agamanya, Abu Hafiz Saleh Hudin

Katanya, pada masa sama ribuan perniagaan halal dan milik Bumiputera terjejas akibat Covid-19 dan PKP, terutamanya bagi industri kecil dan sederhana.

"Mengapa pengecualian khas diberikan kepada kilang arak Heineken ini sedangkan terang-terangan perniagaan mereka adalah haram?"

"Adakah kerana kilang ini mempunyai kaitan dengan orang berkepentingan?"

"Tidak molek nampaknya kerajaan Melayu Islam memberi kelebihan kepada syarikat yang menjual produk yang jelas haram di sisi Islam," jelasnya.

<https://www.malaysiakini.com/news/518950>